

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN
BIN HAJI MOHAMAD
[Lipis]**

NO. SOALAN : 72

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan konsep pembiayaan bagi **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)** Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan apakah agensi pelaksana yang terlibat dalam Program Pembangunan SPED ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, Program Pembangunan Industri Luar Bandar (SPED, PILB) dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Januari 2001.

Pinjaman yang ditawarkan adalah berlandaskan konsep Syariah (Ijarah Thummalbai dan Bai' Bithaman Ajil, Bai' Murabahah/Dayn dan Al Qardhul Hassan).

Skim ini menyediakan kemudahan pembiayaan (pinjaman) sehingga RM500 ribu kepada usahawan Bumiputera luar bandar dan bandar bagi membantu meningkatkan bidang ekonomi dalam sektor pembuatan, pertanian, perkhidmatan dan pelancongan desa di Malaysia. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah di antara 3 – 7 tahun, bergantung pada jumlah pinjaman.

Agensi pelaksana yang terlibat di dalam Program Pembangunan SPED ialah Bahagian Pengupayaan Ekonomi di KKLW. Sementara bank pelaksana bagi menguruskan permohonan dan penyaluran pinjaman kepada usahawan SPED ialah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).